

Ahli UMNO diminta 'beristiqamah'

PAPAR 3 Sept. - Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta ahli-ahli parti itu supaya 'beristiqamah' dan berdiri teguh di belakang kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menjayakan misi nasional.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, ini kerana ketatatan kepada pemimpin merupakan perkara pokok kekuatan UMNO Selama ini.

"Jika tumbang pemimpin UMNO, maka jatuhlah orang Melayu...(Ini kerana) pemimpin adalah simbol tonggak bangsa kita.

"Oleh itu, marilah kita meningkatkan persefahaman dan semangat kerjasama untuk melaksanakan misi negara seperti dirancangan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan

UMNO bahagian Papar di sini, hari ini.

Turat hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Abdul Rahim Ismail yang juga Pemangku Ketua UMNO bahagian Papar.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, semua ahli UMNO diminta tidak lagi membuang masa dengan membincangkan isu sampingan dan remeh-temeh.

Sebaliknya, kata beliau mereka perlu memberikan tumpuan kepada soal pembangunan orang Melayu dan negara keseluruhannya.

"Berilah peluang seluas-luasnya kepada Pak Lah (Abdullah) untuk mentadbir negara. Janganlah lebih banyak masa berbincang (isu-isu) daripada bekerja," ujar beliau.

Menurut Muhyiddin, bagi menjayakan misi membangunkan bidang pertanian negara, kementeriannya sedang be-

usaha untuk melahirkan sekurang-kurangnya 10,000 usahawan tani baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Katanya, sebanyak 40,000 hektar kawasan akuakultur juga akan dibuka bagi menjayakan industri tersebut yang dilihat mampu menjana ekonomi negara.

"Selain daripada itu, kita akan meningkatkan pengeluaran daging dalam negara dengan pelaksanaan penternakan kontrak," katanya.

Muhyiddin seterusnya berkata, negara kini sedang memasuki fasa menjadi sebuah negara maju dan oleh itu adalah penting untuk semua menyokong misi kerajaan.

Katanya, misi yang digariskan di bawah RMK-9 serta Bajet 2007 akan menjadi titik-tolak kejayaan negara mencapai matlamatnya itu.